

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 ( 46 )

7 Ogos 2018  
25 Zulkaedah 1439

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 41/2018

### PELANTIKAN SEMULA SEBAGAI NAIB CANSOLOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Dengan hormatnya dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan (Lembaga Pengarah UTM Bil. 1) dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 95 bertarikh 17 Januari 2018 telah sebulat suara memperakukan pelantikan semula YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar sebagai Naib Canselor. Berdasarkan perakuan ini dan pertimbangan di peringkat Kementerian, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia melalui surat bertarikh 1 Jun 2018 telah bersetuju dengan pelantikan semula YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar sebagai Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berkuat kuasa mulai 1 September 2018 sehingga 31 Ogos 2020. Pelantikan semula Naib Canselor ini juga adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 12(1) Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia.

2. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum berhubung pelantikan semula YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar sebagai Naib Canselor UTM. Selain daripada itu, seluruh warga Universiti juga adalah diminta memberikan kerjasama dan sokongan padu kepada Naib Canselor UTM untuk melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan.

Sekian, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Yang benar,



**(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)**

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan-Kampus Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah